

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir -IPDM
Sent: 08 September 2016 10:45
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: PROGRAM BICARA MERDEKA



8 SEPTEMBER 2016 / 6 ZULHIJJAH 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PROGRAM BICARA MERDEKA



IPDM online: Pada 6/9/2016 yang lalu, Institut Pemikiran Tun Mahathir Mohamad (IPDM) dan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM COLGIS telah bekerjasama menganjurkan program Bicara Merdeka yang bertempat di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen UUM dengan kehadiran kira-kira 150 orang staf dan pelajar. Program ini bertujuan untuk menceritakan dengan lebih mendalam tentang seorang putera raja

yang berjiwa rakyat ataupun 'Prince among Men' dalam memperjuangkan Kemerdekaan Tanah Melayu iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bapa Kemerdekaan.

Penceramah yang telah dijemput ialah Dr Mohd Kasri bin Saidon , Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pendidikan & Bahasa Moden bagi menceritakan tentang siapakah bapa kemerdekaan kita dalam bentuk penceritaan secara santai. Dalam penceritaan beliau, Dr. Mohd Kasri Saidon telah berkongsi tentang latar belakang keluarga, pendidikan, politik serta perjuangan Almarhum Tunku memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Dr Mohd Kasri juga secara tidak langsung menceritakan pengalaman beliau dalam pencarian sejarah tentang Almarhum Tunku serta perjumpaan bersemuka antara beliau dengan saudara-mara Tunku yang disifatkan sangat merendah diri.

Melalui program ini diharapkan hadirin mendapat pencerahan tentang kehidupan seorang putera raja berjiwa rakyat yang mencurahkan idea dan menyumbangkan tenaga dalam usaha membebaskan tanah air tercinta daripada tangan penjajah. Selain itu, melalui program ini juga diharapkan dapat menanam serta meningkatkan semangat patriotik dan kecintaan kepada negara kita Malaysia tercinta.

-TAMAT-

INSTITUT PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD (IPDM)

Tel: 04-9284845

Fak : 04-9284842

E-mel: ipdm@uum.edu.my

Laman web: www.ipdm.uum.edu.my



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.

